

Siapa sangka idea biasa boleh jadi produk antarabangsa

Beri ruang orang muda berinovasi

SELURUH rakyat Malaysia merasa bangga melihat kejayaan anak-anak muda Malaysia mencipta nama dan mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

Baru-baru ini, bendera Jalur gemilang sekali lagi berkibar di pentas antarabangsa dalam bidang inovasi dan kreativiti sehingga menggamit ucapan tahniah daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerusi laman twitternya.

"Syabas Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kerana memenangi 2 Pingat Emas dalam penyertaan sulung British Invention Show," begitu ucapan ringkas beliau yang ternyata akan dikenang oleh tiga anak muda iaitu Zulfawwaz Mahmood, Mohamad Wafi Samsuddin dan Mohamad Syafiq Saifuddin sebagai ucapan paling berharga buat mereka.

Siapa sangka idea 'biasa-biasa' berasaskan rebung dapat diinovasikan menjadi produk luar biasa bertaraf antarabangsa.

Ini mungkin hanya satu potret kejayaan anak muda Malaysia dalam berpuluh-puluh kejayaan yang pernah dikecapi dalam pelbagai bi-

Ini mungkin hanya satu potret kejayaan anak-anak muda Malaysia dalam berpuluh-puluh kejayaan yang pernah dikecapi dalam pelbagai lapangan bidang seperti pendidikan, sukan, seni, kreativiti mahupun inovasi

dang seperti pendidikan, sukan, seni, kreativiti mahupun inovasi.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM cukup yakin generasi muda Malaysia ketika ini mampu bersaing di peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang.

Walau bagaimanapun, seluruh rakyat harus memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk membuktikan sesuatu kepada negara.

Kalau dahulu, pelajar-pelajar hanya layak menjadi 'pembantu' atau 'tukang taip' dalam kertas kerja atau kertas penyelidikan para pensyarah.

Namun hari ini, jika di beri peluang dan sokongan, saya yakin mahasiswa-mahasiswi universiti tempatan mampu mencipta idea inovasi, melakukan kajian penyelidikan, menganalisa fakta dan data dan akhirnya mempersembahkan pembentangan yang berkualiti.

Jesteru, MPP USIM menyambut baik Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang menggariskan 6 ciri utama melahirkan pelajar yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Kepimpinan, kemahiran dwibahasa, Etika kerohanian dan identiti nasional.

Ternyata kesungguhan kerajaan jelas tergambar dalam pelan tersebut yang turut merangkumi 11 anjakan transformasi.

MPP USIM ingin mencadangkan lebih banyak pertandingan berasaskan inovasi di anjurkan di universiti-universiti yang disertai oleh mahasiswa ijazah pertama.

Turut disarankan penganjuran pertandingan yang sama di sekolah-sekolah.

Idea pertandingan KIK (Kumpulan Inovatif Kreatif) yang menjadi acara tahunan Jabatan Kerajaan juga boleh dilebarkan di peringkat sekolah dan universiti.

Galakan untuk berinovasi dan berkreatif dipupuk sejak dari bangku sekolah mampu melahirkan generasi Malaysia yang lebih dinamik.

Kita merasa amat sedih kerana kegemilangan Islam yang kita banggakan hanya tinggal kenangan.

Keadaan inilah menyebabkan seorang pemikir Islam masa kini, Prof. Dr. Mahmoud Hamdi Zaquq dari Mesir menyifatkan umat Islam hari ini sebagai umat dilema dalam dunia yang penuh misteri.

Belliau melontarkan pertanyaan: Bagaimana perkara ini boleh terjadi kepada satu umat di mana kitab suci mereka sejak awal-awal lagi menekankan arahan membaca, menggesa mencari ilmu, dan penggunaan wahana ilmu qalam, malah menyentuh tentang manusia pen-

dukung dan penyebar ilmu?

Sudah tiba masanya, Malaysia memugar jalan untuk mengangkat nama Negara Islam sebagai pelopor inovasi terulung di abad ini.

Sejarah telah membuktikan dan menghidangkan kepada kita nama-nama besar dalam inovasi Islam seperti Al-Kharizmi, Al-Biruni, Al-Farabi dalam sebagainya.

Oleh itu, MPP USIM berharap agar semua pihak lebih memberi ruang, peluang dan sokongan padu kepada anak-anak muda untuk memberi idea, berusaha dan mencipta sesuatu demi masa depan mereka.

Sesuai dengan pesanan cendekiawan Islam terkemuka Profesor Dr Yusof Al-Qaradhawi, "Jika mahu lihat negara pada masa hadapan, maka lihatlah remaja pada hari ini.

Baik remaja hari ini, baiklah negara pada masa hadapan dan jika rosak remaja hari ini maka rosaklah negara pada masa hadapan".

MUHAMMAD AZMIL ABU SEMAN
Yang Dipertua
Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia